

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) DAN GARIS PANDUAN KEBENARAN
BEROPERASI SERTA PERGERAKAN PEKERJA BAGI PREMIS/KEDAI
PERNIAGAAN DOBI, HARDWARE DAN ELEKTRIK & ELEKTRONIK DALAM
TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
DI NEGERI KELANTAN**

1. JENIS PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN.

Kedai Dobi:

Hanya pemilik perniagaan kedai dobi yang menyediakan perkhidmatan servis penuh sahaja (iaitu bukan layan diri) yang dibenarkan. Jika pemilik perniagaan kedai dobi layan diri boleh memberikan servis penuh sebagai ganti servis layan diri, maka ia boleh dibenarkan.

Kedai Hardware:

Semua pemilik perniagaan kedai yang menjual peralatan perkakasan (*hardware*) sama ada secara runcit atau borong (untuk kerja pembinaan) adalah dibenarkan.

Kedai Elektrik & Elektronik:

Semua pemilik perniagaan kedai yang menjual barangan elektrik dan elektronik adalah dibenarkan KECUALI kedai yang menjual peralatan telekomunikasi dan peralatan ICT.

2. PEMILIK PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN BEROPERASI SEMASA PKP.

- a. Mempunyai lesen yang sah dengan PBT.
- b. Kedainya berada di dalam kawasan **Zon Hijau** dan **Zon Kuning**.

Nota: Dalam SOP dan GP Beroperasi dikeluarkan KPDNHEP hanya Zon Hijau dibenarkan.

- c. Telah mendapat kebenaran beroperasi dari MITI.
- d. Telah mendapat kelulusan beroperasi dari PBT.

3. CARA PEMILIK PERNIAGAAN UNTUK MENDAPAT KELULUSAN BEROPERASI DARI PBT.

- a. PBT akan membuat pemakluman kepada pemilik perniagaan yang ingin beroperasi semasa PKP untuk membuat permohonan kelulusan beroperasi kepada PBT.
- b. Langkahhan permohonan adalah seperti berikut:
 - i. Pemilik perniagaan hendaklah membuat permohonan **KEBENARAN BEROPERASI** dari MITI menerusi portal www.miti.gov.my
 - ii. Pemilik perniagaan memohon **KELULUSAN BEROPERASI** dari PBT dengan mengepilkan Surat Kebenaran Beroperasi dari MITI. Tanpa surat kebenaran MITI, permohonan ditolak oleh PBT.
 - iii. Pemilik perniagaan berkenaan mendapat **SURAT KELULUSAN BEROPERASI** dari PBT bersama syarat-syarat yang ditetapkan.
 - iv. PBT akan memberikan salinan **SURAT KELULUSAN BEROPERASI** berkenaan kepada IPD untuk makluman.

.
.

4. SYARAT- SYARAT PERNIAGAAN DIBENARKAN BEROPERASI.

a. KAEDAH BEROPERASI.

Kedai Dobi:

Perniagaan kedai dobi boleh beroperasi secara pembukaan kedai fizikal dan hanya yang menyediakan servis penuh sahaja. Perniagaan dobi secara layan diri tidak dibenarkan.

Jika pemilik perniagaan dobi layan diri itu boleh menukar servis kepada servis penuh, maka ia boleh dibenarkan.

Kedai Hardware:

Perniagaan kedai hardware boleh beroperasi sama ada secara pembukaan kedai fizikal atau penghantaran (*delivery*) atau kedua-dua sekali.

Kedai elektrik & elektronik

Perniagaan kedai elektrik dan elektronik boleh beroperasi sama ada secara pembukaan kedai fizikal atau penghantaran(*delivery*) atau kedua-dua sekali.

b. HARI DAN MASA OPERASI

Kedai Dobi:

Setiap hari dari pukul 8:00 pagi hingga 5:30 petang sahaja.

Kedai Hardware dan Kedai Elektrik dan Elektronik:

Setiap hari Isnin dan Khamis dari pukul 8:00 pagi hingga 5:30 petang sahaja.

Ini termasuk untuk servis penghantaran ke rumah pelanggan.

c. JUMLAH PEKERJA DAN SURAT PENGESAHAN PEKERJA

Hanya seramai 50 % dari jumlah pekerja berdaftar dibenarkan atau maksimum 4 orang sahaja. Pemilik adalah ditakrifkan sebagai pekerja juga. Senarai pekerja perlu dikemukakan kepada IPD berhampiran.

Surat pengesahan hadir bekerja perlu sentiasa dibawa oleh pekerja dan ditunjukkan apabila diminta oleh penguatkuasa sama ada ketika sekatan jalan raya atau semasa pemantauan ke premis.

d. SOP ini hendaklah dibaca bersama :

- i. *Prosedur Operasi Standard dan Garis Panduan Kebenaran Beroperasi Serta Pergerakan Pekerja Bagi Syarikat/Premis Dobi,Hardware,Elektrik & Elektronik Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan* yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, dan;
- ii. *Prosedur Operasi Standard Am dan Garis Panduan Am Kebenaran Beroperasi Serta Pergerakan Pekerja Bagi Syarikat-Syarikat Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan* yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, seperti berikut:

Perlindungan Kepada Pekerja:

Pemilik perniagaan hendaklah:

- a. Menyediakan alat saringan suhu badan di pintu masuk kedai dengan bacaan suhu harian pekerja direkodkan.
- b. Memastikan pekerja yang mempunyai bacaan melebihi kadar tidak sihat (37.5) adalah tidak dibenarkan memasuki premis dan merujuk pekerja berkenaan untuk mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan / Klinik Panel.
- c. Bertanggungjawab memastikan prosedur pencegahan Covid-19 hendaklah dipatuhi termasuk penjarakkan sosial dikalangan pekerja semasa pelaksanaan kerja.
- d. Membekalkan alat pelindung diri bersesuaian seperti penutup hidung, topeng muka, apron plastic berlejang panjang sarung tangan yang bersesuaian secukupnya mengikut keperluan dan *hand sanitizer* sepanjang masa.
- e. Memastikan sekiranya terdapat pekerja yang berada di bawah perhatian KKM, pekerja itu tidak dibenarkan hadir bekerja dan perlu mematuhi tempoh pengasingan ditetapkan KKM.

Perlindungan Bagi Pelanggan

- e. Memastikan tanda jarak 1 meter *social distancing* disediakan dengan jelas di lantai atau di mana-mana yang sesuai untuk panduan pelanggannya semasa berurusan dan bertanggungjawab memastikan pelanggan mematuhi.

Jika pelanggan ramai hingga menyukarkan pematuhan *social distancing* yang ditetapkan itu, pemilik perniagaan hendaklah menghadkan jumlah pelanggan pada satu-satu masa bagi mengelakkan kemungkinan penularan jangkitan.

- f. Memastikan urusanniaga dilaksanakan dalam tempoh singkat bagi mengelakkan risiko jangkitan.
- g. Memastikan direkodkan nama-nama dan no talifon pelanggan yang datang berurusan.

Perlindungan di premis perniagaan:

- h. Menjalankan proses sanitasi pembasmian kuman di kedai perniagaannya sekurang-kurangnya sekali setiap hari khususnya di kawasan tumpuan (sewaktu operasi).
 - i. Melaporkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah jika terdapat pekerja yang dijangkiti Covid 19 dan MENUTUP perniagaannya.
 - j. Jika terdapat sebarang percanggahan/ketidakselarasan peruntukan SOP ini dengan *Prosedur Operasi Standard (SOP) dan Garis Panduan Kebenaran Beroperasi Serta Pergerakan Pekerja bagi Syarikat/Premis Dobi, Hardware, Elektrik dan Elektronik dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan oleh KPDNHEP dan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan Garis Panduan Am Kebenaran Beroperasi serta Pergerakan Pekerja Bagi Syarikat-Syarikat Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan* oleh Kementerian Perdagangan dan Antarabangsa dan Industri (MITI), maka SOP ini adalah terpakai setakat mana yang tidak selaras.
5. Kegagalan pemilik perniagaan kedai mematuhi syarat ini boleh mengakibatkan kelulusan beroperasi ini dibatalkan serta merta oleh PBT dan berdepan dengan tindakan undang-undang berkuatkuasa semasa.
6. Pihak Kerajaan berhak untuk meminda syarat-syarat di atas tertakluk kepada situasi semasa.

Bertarikh: 30 April 2020 (Khamis)